

## **TERMA & SYARAT KEMUDAHAN TUNAI AFFIN ISLAMIC DENGAN AFFIN AVANCE MASTERCARD**

### **1. DOKUMENTASI**

- 1.1 Takrif bagi Pelanggan merujuk pemohon yang dinamakan dalam Borang Permohonan selepas Kemudahan Tunai ("Kemudahan") diluluskan oleh Affin Islamic Bank Berhad ("Bank").
- 1.2 Terma & Syarat Am ini dan semua dokumen lain berkaitan dengan Kemudahan akan membentuk perjanjian mengikat bagi Kemudahan ini.
- 1.3 Terma & Syarat Am ini akan berkuat kuasa dari tarikh Kemudahan ini diluluskan.
- 1.4 Komoditi tersebut dijual oleh pihak Bank kepada Pelanggan berdasarkan "sedia adanya".

### **2. KEMUDAHAN TUNAI**

- 2.1 Tujuan Kemudahan ini adalah untuk kegunaan peribadi.
- 2.2 Selepas Kemudahan diluluskan, pihak Bank hendaklah menyerahkan Notis Kelulusan atau SMS/e-mel kepada Pelanggan yang menyatakan amaun Kemudahan yang diluluskan, Kadar Keuntungan Efektif, yuran serta caj dan apa-apa Terma & Syarat Am.
- 2.3 Penggunaan wang daripada Kemudahan Tunai akan dianggap sebagai penerimaan terhadap Kemudahan ini berserta Terma dan syarat Am yang terpakai oleh pihak pemohon.
- 2.4 Kemudahan perlu dibayar balik apabila diminta dan liabiliti di bawah kemudahan ini akan terus berkuatkuasa sehingga pembayaran penuh. Walaupun Kemudahan perlu dibayar balik apabila diminta, bahagian keuntungan hendaklah dibayar setiap bulan.
- 2.5 Akaun mesti dikendalikan dalam lingkungan had yang diluluskan. Kelulusan terlebih dahulu mesti diperoleh daripada pihak Bank sekiranya anda ingin menggunakan apa-apa amaun yang melebihi had Kemudahan yang diluluskan. Jika amaun yang melebihi had tersebut diluluskan, Kos Pentadbiran pada kadar seperti berikut akan dikenakan:
  - i. Lebihan Atas Had kerana caj keuntungan: 7.00% setahun melebihi Kadar Asas Standard (KAS), dihadkan ke RM70.00 untuk setiap kejadian\*;
  - ii. Lebihan Atas Had selain dari kerana caj keuntungan: 7.00% setahun melebihi KAS, dihadkan ke RM1,040 untuk tiga (3) hari;
  - iii. Jumlah melebihi had perlu diselaras dalam masa dua (2) hari selepas kejadian;
  - iv. Kos Pentadbiran tersebut akan dikira berdasarkan kiraan baki harian ke atas amaun lebihan sehingga lebihan itu diselaras.

\*ditaksirkan sebagai keadaan di mana anda tidak berupaya menyelesaikan Lebihan Atas Had dalam masa sepatutnya.

Kadar Kos Pentadbiran ke atas penggunaan had lebihan Kemudahan di dalam Borang Permohonan ini boleh diubah oleh pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknya dengan memberi notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada anda sebelum perubahan tersebut dibuat.

- 2.6 Tempoh Kemudahan adalah untuk sepuluh (10) tahun. Tetapi, Kemudahan ini perlu dibayar balik apabila dituntut dan liabiliti di bawah Borang Permohonan Kemudahan ini akan terus berkuat kuasa sehingga pembayaran penuh. Walaupun Kemudahan ini perlu dibayar balik apabila dituntut, bahagian keuntungan hendaklah dibayar setiap bulan.
- 2.7 Walau apa pun, Kemudahan ini akan ditamatkan sekiranya AFFIN AVANCE Mastercard dengan Kemudahan Tunai dibatalkan sebelum berakhirnya Tempoh Kemudahan.

### **3. KADAR KEUNTUNGAN EFEKTIF (KKE)**

- 3.1 Kad Keuntungan Efektif (KKE) ke atas Had Yang Digunakan
  - a. KKE merupakan kombinasi Kadar Asas Standard (KAS) ditambah dengan Kadar Keuntungan Sebaran.
  - b. KAS dan KKE semasa adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini dan tertakluk kepada perubahan dengan pemberitahuan tujuh (7) hari kalendar untuk KAS dan dua puluh satu (21) hari untuk KKE terlebih dahulu. Pemberitahuan mengenai perubahan tersebut adalah melalui penyiaran dalam mana-mana akhbar yang diedarkan di dalam Malaysia, atau melalui notis yang dipamerkan di pemis-premis Bank atau cara lain yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank.

### 3.2 Kad Keuntungan Efektif (KKE) ke atas Had Yang Digunakan

- a. KKE adalah satu peratus (1%) setahun pada had yang tidak digunakan yang terpakai untuk jumlah Kemudahan amaun melebihi RM250,000.00.
- b. KKE akan berkuat kuasa dari tarikh notis pembayaran sehingga penyelesaian penuh akaun tersebut.
- c. KKE ke atas Had yang Digunakan dan KKE ke atas Had yang Tidak Digunakan secara kolektif tidak boleh melebihi Kadar Keuntungan Siling (KKS) dua belas peratus (12%) setahun.
- d. Kadar keuntungan dikira berdasarkan baki belum jelas setiap hari dan hendaklah dibayar setiap bulan.
- e. Kadar sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma ini yang ditawarkan kepada Pelanggan atas dasar Kemudahan digunakan dalam lingkungan had yang diluluskan.

## 4. CAJ PAMPASAN (TA'WIDH)

- 4.1 Pelanggan akan bertanggung untuk membayar pampasan Bank atas jumlah tertunggak seperti berikut (berpadanan dengan formula yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM) dan sebarang pindaan ke atasnya):
  - a) Sekiranya kemungkiran tersebut berlaku semasa tempoh Kemudahan, pada kadar satu peratus (1%) setahun atas ansuran tertunggak di bawah Kemudahan ini atau pada baki jumlah prinsipal dan keuntungan yang telah diperolehi (jika ada) (tertakluk kepada rebat, jika terpakai), dalam hal keingkaran menyebabkan seluruh Kemudahan ditarik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tempoh matang, mana yang terpakai, atau kaedah lain yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank dan/atau Majlis Penasihat Syariah BNM; dan
  - b) Sekiranya kemungkiran berlaku setelah tempoh matang Kemudahan atau setelah penghakiman, mana yang lebih awal, pada kadar semasa semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) ke atas baki jumlah prinsipal dan keuntungan-keuntungan yang telah diperolehi (jika ada) (tertakluk kepada rebat, jika terpakai) atau kaedah lain yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank dan/atau Majlis Penasihat Syariah BNM.
- 4.2 Selanjutnya adalah dipersetujui bahawa Caj Pampasan tidak akan di kompaun.
- 4.3 Caj Pampasan pada kadar yang dinyatakan di atas akan dibayar oleh Pelanggan setelah dan juga sebelum penghakiman atau perintah mahkamah.

## 5. HAK UNTUK MENYEMAK DAN MENAMATKAN KEMUDAHAN

- 5.1 Pihak Bank berhak mengekalkan haknya dan layak untuk menyemak Kemudahan ini pada sebarang masa jika dianggap sesuai mengikut budibicaranya, tanpa sebarang obligasi sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, untuk memberikan sebarang sebab dan sama ada kejadian yang dinyatakan dalam fasal 12 dokumen ini telah berlaku atau tidak.
- 5.2 Tidak ada sebarang yang terkandung kini boleh dianggap meletakkan terhadap Bank sebarang obligasi, samada dari segi undang-undang atau ekuiti, untuk membuat atau terus menyediakan Kemudahan ini.
- 5.3 Pihak Bank akan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan sebelum perubahan baru tersebut berkuat kuasa.
- 5.4 Walau apa pun peruntukan lain yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini atau dalam sebarang dokumen lain, Pihak Bank mempunyai hak pada setiap masa untuk menamatkan, membatalkan, menggantung atau mengurangkan had kesemua atau sebarang bahagian Kemudahan ini dan/atau mengehendaki pembayaran serta-merta, untuk semua atau sebahagian daripada jumlah yang sebenarnya atau bersyarat terhutang kepadanya dengan sekurang-kurangnya notis awal dan sebab kepada Pelanggan.

## 6. PEMBAYARAN

- 6.1 Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar kepada pihak Bank setelah pembayaran dan penggunaan Kemudahan ini. Keuntungan perlu diselesaikan secara bulanan sehingga penyelesaian akaun tersebut.
- 6.2 Pembayaran adalah tertakluk kepada pelarasan disebabkan oleh perubahan KKE.
- 6.3 Sekiranya KKE diubah, pihak Bank berhak untuk mengubah jumlah pembayaran sesuai dengan pemberitahuan pendahuluan bertulis tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan.
- 6.4 Harga Jualan Bank dikira berdasarkan CPR. Walaubagaimanapun, bayaran bulanan akan dikira berdasarkan KKE yang tidak akan melebihi CPR.

## 7. REPRESENTASI DAN WARANTI

- 7.1 Pelanggan memberikan representasi dan waranti bahawa:
  - a) Pelanggan mempunyai kemampuan untuk memasuki dan melakukan obligasi seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Am ini (sebagaimana yang berkenaan);

- b) Pelanggan tidak mungkir dari sebarang perjanjian (samada yang berkaitan dengan bayaran, prestasi atau sebaliknya) yang mana Pelanggan adalah pihak atau Pelanggan adalah terikat dengannya;
- c) tidak ada litigasi, timbang tara atau pertikaian samada sebenarnya, sedang atau diancam terhadap Pelanggan;
- d) semua penyata kewangan yang diterima atau akan diterima oleh pihak Bank berkenaan dengan Pelanggan merupakan pendapat benar dan adil mengenai kedudukan kewangan Pelanggan;
- e) tiada perubahan material yang buruk dalam kedudukan kewangan Pelanggan dan di mana berkenaan, lingkungan operasi atau pengurusan perniagaan Pelanggan yang akan memberi kesan penting terhadap kemampuan Pelanggan untuk melaksanakan obligasi Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini;
- f) penerimaan Terma dan Syarat ini, penyampaian dan pelaksanaan semua obligasi bawah permohonan ini akan menjadi obligasi yang sah dan dapat dilaksanakan dan tidak atau tidak akan melanggar peruntukan sebarang undang-undang, peraturan, kaedah, writ, injunksi atau dekri sebarang mahkamah, badan pentadbiran atau pengawalseliaan yang mana Pelanggan adalah tertakluk kepadanya, dan tidak melanggar sebarang perjanjian lain yang mana Pelanggan merupakan pihak atau akujanji yang mengikat pelanggan atau aset Pelanggan;
- g) Pelanggan telah mendedahkan sepenuhnya secara bertulis kepada pihak Bank semua fakta yang berkaitan dengan Pelanggan yang diketahui oleh Pelanggan atau yang wajar diketahui dan material untuk didedahkan kepada pihak Bank dalam konteks Kemudahan ini;
- h) semua maklumat yang diberikan oleh Pelanggan sehubungan dengan Kemudahan ini tidak mengandungi sebarang pernyataan yang tidak benar atau meninggalkan sebarang fakta dan semua ungkapan harapan, niat, kepercayaan dan pendapat dan semua unjuran yang terkandung di dalamnya dibuat dengan jujur dengan sebab yang munasabah setelah siasatan yang wajar dan teliti;
- i) Pelanggan adalah tertakluk pada undang-undang sivil dan komersial sehubungan dengan obligasi Pelanggan di bawah Kemudahan ini dan pelaksanaan, penyerahan dan prestasi obligasi yang dibentuk di bawah ini merupakan tindakan peribadi dan komersial dan bukan tindakan kerajaan atau awam dan Pelanggan atau harta Pelanggan tidak menikmati kekebalan atas alasan kedaulatan atau sebaliknya berkenaan dengan obligasi Pelanggan yang berbangkit di bawah Kemudahan ini;
- j) tiada prosiding kebangkrapan atau penggulungan telah dimulakan terhadap Pelanggan dan/atau syarikat Pelanggan.

## 8. KOS, PERBELANJAAN DAN YURAN

- 8.1 Walaupun Kemudahan ini boleh dibatalkan atau digugurkan dengan alasan apa pun pada sebarang masa:
- a) semua kos dan perbelanjaan (termasuk lain-lain duti dan cukai yang serupa dan sebarang penalti pada yang sama), perbelanjaan berkaitan pemulihani atau penebusan akaun Pelanggan atau berkaitan dengan sebarang akaun atau aset Pelanggan akan dibayar oleh Pelanggan atas tuntutan, atas dasar indemniti penuh;
  - b) jika wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan ini perlu didapatkan kembali melalui proses undang-undang atau lain-lain proses, atau diletakkan di tangan peguam untuk dikutip, Pelanggan akan bertanggungjawab untuk membayar peguam Bank (atas dasar peguam cara dan pelanggan) dan sebarang yuran dan perbelanjaan lain yang berbangkit berkaitan dengan pungutan tersebut;
  - c) Bank mempunyai hak untuk mendebit akaun Pelanggan dengan keuntungan, komisen, caj, yuran, dan semua wang yang berbangkit dari Kemudahan ini termasuk kos yang disebutkan dalam fasal sebelum ini.

## 9. BANK TERHADAP PERMOHONAN/ PEMINDAHAN WANG

- 9.1 Jika sebarang jumlah yang dibayar atau didapatkan kembali berkenaan dengan liabiliti Pelanggan adalah kurang dari jumlah yang terhutang, pihak Bank boleh menggunakan jumlah itu untuk melunaskan keuntungan, yuran, prinsipal atau sebarang jumlah yang terhutang dalam bentuk perkadaran dan aturan dan secara amnya dengan cara yang pihak Bank berpendapat sesuai atau mungkin mengkreditkan atau memindahkan sebarang wang yang menjadi ketetapan kredit terhadap akaun Bank Pelanggan atas apa sahaja deskripsi dan di mana sahaja berada terhadap pelepasan jumlah yang bertanggung kepada Bank ke akaun tergantung tanpa untung/hibah selama mana yang difikirkan wajar oleh pihak Bank tanpa obligasi sementara itu mengaplikasikan jumlah yang sama atau sebahagian darinya untuk atau terhadap pelepasan sebarang wang atau liabiliti yang kena dibayar atau ditanggung oleh Pelanggan kepada Bank.

## 10. HAK TOLAK SELESAI, KOMBINASI ATAU PENYATUAN AKAUN

- 10.1 Bank berhak (tetapi tiada obligasi) dengan notis awal sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kepada Pelanggan untuk mengkombinasikan, menyatukan atau menggabungkan semua atau sebarang akaun dan liabiliti Pelanggan dengan dan kepada Bank di mana sahaja sama ada di dalam atau di luar Malaysia dan boleh memindahkan atau tolak selesai sebarang jumlah dalam kredit dalam akaun tersebut dalam atau ke arah penyelesaian sebarang liabiliti Pelanggan sama ada sebenar atau bersyarat, utama atau kolateral walaupun baki kredit pada akaun tersebut dan liabiliti pada akaun lain mungkin tidak

dinyatakan dalam bentuk mata wang yang sama dan Bank dengan ini diberi kuasa untuk melakukan penukaran yang perlu pada kadar pertukaran semasa Bank.

## **11. PENYATA BANK**

11.1 Pernyataan atau notis oleh pengurus atau sebarang pegawai yang diberi kuasa atau ejen Bank pada masa tersebut atau notis yang dijana oleh komputer yang dikeluarkan oleh Bank yang tidak memerlukan tandatangan mengenai jumlah baki dan liabiliti dialami atau kena dibayar kepada Bank atau mengenai kadar keuntungan atau jumlah keuntungan yang perlu dibayar, adalah keterangan konklusif untuk semua tujuan, kecuali terhadap kesilapan yang nyata.

## **12. KEJADIAN KEMUNGKIRAN**

12.1 Sekiranya ada kejadian berikut berlaku:

- a) Tidak membayar: Pelanggan gagal membayar jumlah terhutang di bawah Perjanjian ini pada tarikh jatuh tempoh, sama ada secara rasmi diminta atau tidak; atau
- b) Tidak membayar jumlah lain di bawah Kemudahan: Pelanggan gagal membayar jumlah yang perlu dibayar di bawah Kemudahan pada tarikh jatuh tempoh atau, jika demikian, atas permintaan dan kegagalan membayar tersebut tidak dapat diatasi dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh tersebut jumlah perlu dibayar atau dituntut; atau
- c) jika Pelanggan melanggar atau mengancam untuk melanggar sebarang kovenan, akujanji, terma, Syarat atau peruntukan Terma dan Syarat ini atau dalam dokumen yang diserahkan lanjutan dari Kemudahan ini (selain daripada jenis obligasi dirujuk dalam fasal 12.1 (a) di atas) dan tidak dapat meremеди pelanggaran tersebut dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas notis dari Bank atau jangka waktu lain yang ditentukan oleh Bank; atau
- d) jika prosiding undang-undang, saman atau tindakan atas apa jua jenis sekalipun (sivil atau jenayah) dimulakan terhadap Pelanggan; atau
- e) jika Pelanggan melakukan tindakan kebangkrapan atau sekiranya Pelanggan atau penjamin menjadi tidak siaman atau meninggal dunia; atau
- f) jika Pelanggan memasuki komposisi, moratorium atau pengaturan dengan atau akan melakukan pindahan hak umum untuk kepentingan pemiutang Pelanggan; atau
- g) jika berlaku kejadian atau timbul keadaan termasuk perubahan dalam keadaan kewangan Pelanggan yang pada pendapat Bank memprejudiskan kemampuan Pelanggan untuk melaksanakan obligasi Pelanggan di sini
- h) jika Pelanggan gagal mengoperasikan akaun Pelanggan/mereka dengan Bank dengan cara yang memuaskan; atau
- i) jika ada representasi atau waranti yang dibuat atau tersirat kepada Bank adalah tidak benar atau mengelirukan dalam butiran yang material pada tarikh ianya dibuat atau dianggap telah dibuat; atau
- j) jika berlaku kejadian lain yang menurut pendapat Bank semata-mata boleh atau mungkin menjejaskan atau memprejudiskan kemampuan atau kesediaan Pelanggan untuk mematuhi semua atau salah satu obligasi Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini.

## **13. UNDANG-UNDANG MENGAWAL SELIA**

13.1 Terma dan Syarat ini akan ditafsirkan dan terkesan dalam semua aspek menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia, tetapi penyerahan tersebut tidak akan ditafsirkan sehingga membatasi hak Bank untuk memulakan prosiding mahkamah di sebarang negara lain. Penyerahan sebarang writ atau saman atau proses undang-undang yang berkenaan dengan sebarang tindakan atau prosiding boleh dilakukan terhadap Pelanggan dengan mengirimitkan salinan writ atau saman atau pernyataan tuntutan atau proses undang-undang lain melalui pos berdaftar prabayar (atau cara lain seperti yang ditentukan oleh undang-undang) ke alamat Pelanggan ketika itu. Sekiranya diserahkan melalui pos, writ saman atau pernyataan tuntutan tersebut atau proses undang-undang yang lain akan dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan dua (2) hari setelah tarikh pengeposan.

## **14. PERUBAHAN DALAM KEADAAN**

14.1 Ketidaksahan: Sekiranya Bank menentukan bahawa pengenalan atau perubahan sebarang undang-undang, peraturan atau arahan rasmi (sama ada mempunyai kekuatan undang-undang atau tidak) atau perubahan dalam pentafsiran atau aplikasinya menjadikan tidak sah untuk Bank mengekalkan, membiayai atau memberi kesan atas obligasinya di sini, Bank akan segera memberi notis penamatan kepada Pelanggan di mana Kemudahan ini setakat itu akan dibatalkan dan Pelanggan akan segera setelah mendapat notis dari Bank membayar semua wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan ini bersama dengan keuntungan di atasnya dan semua wang lain dipersetujui untuk dibayar oleh Pelanggan di bawah permohonan inii.

- 14.2 Semua perjanjian, obligasi yang diberikan atau diakui janji oleh Pelanggan akan kekal sah dan mengikat walaupun Pelanggan telah mati, bankrap atau hilang upaya mental, atau perubahan dalam pembentukan Bank kerana penggabungan, penyatuan, penstrukturan semula, dan pemegangan saham baru atau sebaliknya.

## **15. PEMATUHAN DENGAN UNDANG-UNDANG**

- 15.1 Pelanggan akan memastikan pematuhan berterusan sepanjang tempoh Kemudahan ini terhadap semua undang-undang, undang-undang kecil, dan garis panduan di Malaysia.

## **16. CARIAN KEBANKRAPAN ATAU PENGGULUNGAN**

- 16.1 Bank boleh tetapi tiada obligasi untuk melakukan carian kebangkrapan atau penggulungan (sebagaimana yang berkenaan) ke atas Pelanggan sebelum pengeluaran Kemudahan ini dan pada sebarang masa dari semasa ke semasa selepas itu.
- 16.2 Sekiranya sebarang carian tersebut mengesahkan bahawa Pelanggan adalah bankrap yang dihakimi atau telah digulungan (sebagaimana yang berkenaan), atau ada sebarang prosiding undang-undang, saman atau sebarang tindakan apa pun, sama ada sivil atau jenayah, dibuat terhadap Pelanggan, Bank berhak menarik, membatalkan dan atau menamatkan Kemudahan ini.

## **17. PENETAPAN TERMA OLEH BANK NEGARA MALAYSIA**

- 17.1 Kemudahan ini pada setiap masa dikawal oleh kaedah, peraturan dan/atau arahan yang ditetapkan oleh BNM atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa terhadap Bank.

## **18. NOTIS**

- 18.1 Sebarang tuntutan, permintaan, notis atau komunikasi lain (secara kolektif dirujuk sebagai "Notis") oleh atau bagi pihak Bank atau Pelanggan hendaklah secara tertulis.
- 18.2 Notis boleh diberikan atau dibuat melalui pos, faksimile, penghantaran peribadi atau cara lain yang dibenarkan oleh Bank. Notis-notis akan dikeluarkan oleh atau bagi pihak Bank (termasuk notis/pernyataan yang dihasilkan oleh komputer yang tidak memerlukan tanda tangan) kepada Pelanggan di alamat, nombor faksimile atau alamat mel elektronik seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan ini atau alamat terakhir yang diketahui, nombor faksimile atau alamat mel elektronik yang diberitahu oleh Pelanggan secara bertulis.
- 18.3 Notis tersebut dianggap disampaikan kepada Pelanggan:
- dalam kes pengeposan, lima (5) hari perniagaan setelah tarikh pengeposan;
  - dalam kes faksimile, pada hari transmisi;
  - dalam kes mel elektronik, pada hari penghantaran dengan syarat Bank tidak menerima pesanan yang gagal atau tidak dapat dihantar dari penyedia hos dalam hari transmisi;
  - dalam kes penghantaran peribadi, pada masa penghantaran;
  - sekiranya terdapat Notis yang diberikan secara lisan, pada hari Notis tersebut diberikan. Notis tersebut kemudiannya akan disahkan secara bertulis oleh Bank;
  - sekiranya terdapat Notis yang diberikan melalui sistem khidmat pesanan ringkas atau cara lain yang tidak direkodkan secara tertulis, pada saat penghantaran Notis tersebut.
- 18.4 Notis oleh Pelanggan kepada Bank hendaklah ditandatangani oleh Pelanggan atau jika dibenarkan oleh Bank, oleh penandatanganan yang diberi kuasa oleh Pelanggan dan diserahkan kepada Bank di alamat atau nombor faksimile seperti yang dimaklumkan secara tertulis oleh Bank dari semasa ke semasa. Notis-notis dianggap diterima oleh Bank setelah penerimaan yang sebenar kecuali:
- dalam kes Notis yang dihantar melalui faksimile selepas jam 5.00 petang, notis tersebut akan dianggap diterima oleh pihak Bank pada Hari Perniagaan berikutnya; dan
  - di mana dianggap perlu oleh Bank untuk menentukan identiti Pelanggan atau sumber Notis tersebut, Pelanggan mungkin diperlukan atas kos Pelanggan sendiri untuk menyerahkan kepada Bank keterangan dokumentari (termasuk Notis yang sebenar atau yang asal) yang mungkin dikehendaki oleh Bank. Sekiranya penentuan tersebut diperlukan oleh Bank, Notis tersebut dianggap diterima oleh Bank hanya setelah Bank menerima keterangan dokumentari tambahan yang diminta olehnya.
- 18.5 Semua Notis faksimile harus diikuti dengan Notis asal yang perlu dihantar melalui pos atau dengan tangan, tetapi sebarang kelewatan atau kegagalan Bank untuk menerima Notis asal tidak akan mempengaruhi kesahihan tindakan atau peninggalan pihak Bank yang dilakukan berdasarkan pada Notis faksimile tersebut.

## **19. UBAHSUAI DAN IHSAN**

- 19.1 Bank dengan notis awal tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari dan tanpa mempengaruhi hak, kuasa dan remedi yang diberikan kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini, tertakluk kepada prinsip Syariah (sebagaimana yang berkenaan), seperti berikut:

- a) mengabaikan atau menahan dari menguatkuasa sebarang dari Terma dalam Terma dan Syarat Am ini atau sebarang perjanjian antara Pelanggan dan pihak Bank atau mengetepikan Terma yang dianggapnya sesuai atau sebarang pelanggaran yang sama oleh Pelanggan tanpa memprejudiskan haknya pada sebarang masa selepas itu untuk bertindak atau berkehendak untuk bertindak tegas sesuai dengan Terma yang dipersetujui awal berkenaan dengan pelanggaran yang sedia ada atau yang seterusnya; atau
- b) menentukan, mengubah, memperbaharui atau meningkatkan sebarang kredit atau kemudahan lain yang diberikan kepada Pelanggan dan boleh membuka atau meneruskan sebarang akaun dengan cawangan Pelanggan atau cawangan Bank; atau
- c) menyusun semula atau menjadualkan semula sebarang kredit atau kemudahan lain yang diberikan kepada Pelanggan, termasuk tetapi tidak terbatas kepada mengubah nombor dan atau jumlah ansuran yang harus dibayar oleh Pelanggan; atau
- d) memberikan kepada Pelanggan pada sebarang masa ihsan atau pengecualian atau kebenaran atau pelepasan; atau
- e) melepaskan atau discaj atau kompaun atau memasuki sebarang surat cara komposisi dengan Pelanggan; atau
- f) mengubah atau meminda sebarang terma Kemudahan ini dengan memberi Pelanggan, notis dan sebab sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum Terma dan Syarat baru berkuat kuasa; atau
- g) memberikan kemudahan lanjutan, menukar, mengubah, mengubah silang atau mengganti sebahagian atau keseluruhan Kemudahan ini dengan kemudahan perbankan lain.

## 20. OBLIGASI PEMBAYARAN BEBAS

- 20.1 Pelanggan dengan ini nyata bersetuju dan mengisytiharkan bahawa setiap obligasi Pelanggan untuk membayar di bawah Terma dan Syarat Am ini, merupakan obligasi berasingan dan bebas, akan membangkitkan kausa tindakan yang terpisah dan bebas, akan terpakai walaupun ada pengecualian yang diberikan oleh Bank dan walaupun wujud sebarang penghakiman, perintah, tuntutan atau bukti untuk jumlah yang dicairkan yang berkaitan dengan obligasi lain. Bank boleh secara bebas atau serentak memulakan tindakan lain di bawah obligasi tersebut.

## 21. NOTIFIKASI

- 21.1 Pelanggan akan memberi notis bertulis kepada Bank mengenai sebarang kejadian keingkaran di bawah Terma dan Syarat Am ini dalam masa tiga (3) Hari Perniagaan apabila Pelanggan menyedari berlakunya kejadian yang sama.

## 22. INDEMNITI

- 22.1 Tanpa memprejudiskan Terma dan peruntukan di atas dan sebagai tambahan dan tanpa memprejudiskan kuasa, hak dan remedi lain yang mungkin layak oleh Bank, Pelanggan akan menanggung rugi terhadap Bank dan menjadikan Bank tidak terjejas dari dan terhadap sebarang kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan, dari segi undang-undang atau sebaliknya, (termasuk tetapi tidak terhad kepada semua kos perundangan yang ditanggung oleh Bank atas dasar peguam cara dan pelanggan) yang Bank mungkin tanggung, alami atau berlaku sebagai akibat daripada sebarang kemungkiran pembayaran Kemudahan ini dan keuntungan di atasnya atau di sebarang bahagiannya, atau sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawah ini, atau kerana ketidakpatuhan kesemua atau sebarang terma yang termaktub dalam perjanjian dan peruntukan di pihak Pelanggan yang terkandung di dalam ini dan kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada jumlah yang disahkan oleh Bank (pengesahan tersebut disertakan dengan asas dan perhitungan jumlah tersebut dan menjadi konklusif dan mengikat Pelanggan kecuali untuk sebarang kesalahan nyata), kecuali kehilangan, ganti rugi atau perbelanjaan tersebut disebabkan oleh kemungkiran, kecuai atau fraud Bank.

## 23. NOTIS PRIVASI KUMPULAN

- 23.1 Pelanggan mengesahkan bahawa Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan ABB dan fasal di sini, yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pelanggan. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan setuju bahawa Notis Privasi Kumpulan tersebut akan dianggap dimasukkan dengan merujuk kepada Terma dan Syarat ini.
- 23.2 Sekiranya Pelanggan memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan berkenaan dengan pihak ketiga termasuk maklumat berkenaan dengan waris kadim dan tanggungan Pelanggan, untuk tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan Pelanggan dengan Bank atau selainnya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pelanggan:
- a) mengesahkan bahawa Pelanggan telah mendapatkan kebenaran mereka dan/atau selainnya berhak untuk memberikan maklumat ini kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya mengikut Terma dan Syarat ini;
  - b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; dan
  - c) bersetuju untuk memaklumkan kepada Bank secara bertulis sekiranya berlaku perubahan material terhadap maklumat peribadi dan kewangan tersebut.

- 23.3 Jika Pelanggan mengarahkan Bank untuk melakukan sebarang jenis transaksi rentas sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran), butiran yang berkaitan dengan transaksi rentas sempadan (termasuk maklumat berkenaan dengan mereka yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia dapat diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara sehubungan dengan tugas mereka yang sah (contohnya pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan Bank dan/atau ejen Bank untuk memasuki transaksi rentas sempadan bagi pihak Pelanggan, Pelanggan bersetuju dengan pendedahan yang dinyatakan di atas bagi pihak Pelanggan dan orang lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.
- 23.4 Pelanggan mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti penyata akaun dan laman web Bank mengandungi maklumat standard berkenaan dengan produk dan perkhidmatan Bank yang lain yang tidak boleh dibuang tanpa menjejaskan penyampaian/peruntukan perkhidmatan dan/atau produk Bank, pengendalian akaun Pelanggan dan/atau kemudahan dengan Bank dan/atau kos tambahan terhadap Pelanggan.
- 23.5 Bank boleh menggunakan agensi rujukan kredit untuk membantu dalam membuat keputusan, contohnya apabila Bank perlu untuk:
- a) memeriksa butiran permohonan bagi kredit dan berkaitan kredit atau kemudahan lain;
  - b) menguruskan akaun atau kemudahan kredit dan berkaitan kredit termasuk membuat semakan portfolio Pelanggan; dan/atau
  - c) mendapatkan semula hutang.
- 23.6 Pelanggan akan dihubungkan oleh agensi rujukan kredit kepada sebarang nama lain yang Pelanggan gunakan atau pernah gunakan, dan sebarang Pelanggan bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Pelanggan dan cara Pelanggan menguruskan akaun/kemudahan Pelanggan dengan agensi rujukan kredit yang berkenaan.
- 23.7 Bank berhak untuk meminda fasal ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Bank dan akan memberikan dua puluh satu (21) hari notis awal kepada Pelanggan secara tertulis dan meletakkan sebarang pindaan tersebut di laman web Bank dan/atau dengan meletakkan notis di dewan-dewan perbankan atau di lokasi yang ketara di cawangan Bank.
- 23.8 Fasal ini adalah tanpa prejudis terhadap fasal lain dalam Terma dan Syarat Am ini atau dalam keperluan kawal selia BNM yang memperuntukkan pendedahan maklumat.

#### **24. FASAL CUKAI**

- 24.1 Sebarang jumlah yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Am ini atau selainnya perlu dibayar oleh sebarang pihak kepada sebarang pihak lain akan dianggap tidak termasuk sebarang Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau jenis cukai yang serupa seperti Cukai Jualan dan Perkhidmatan ("Cukai").
- 24.2 Jika satu pihak ("Penjual") dikehendaki oleh Terma di sini untuk membekalkan kepada yang lain ("pihak yang lain"), bekalan tersebut hendaklah dibuat tanpa sebarang caj Cukai berkaitan dengan pembekalan tersebut kecuali jika cukai tersebut dikehendaki oleh undang-undang untuk dibayar oleh Penjual, yang mana pihak yang lain hendaklah apabila dituntut membayar kepada Penjual tersebut (atas tambahan kepada balasan kepada pembekalan tersebut). Penjual akan memberikan kepada pihak yang lain invoice Cukai yang sah.
- 24.3 Caj berkaitan dengan Kemudahan ini tidak termasuk cukai yang akan dikenakan pada masa akan datang untuk menggantikan cukai yang ada.

#### **25. FORCE MAJEURE**

- 25.1 Bank tidak dikehendaki untuk melaksanakan obligasinya jika ianya dilarang dari dilakukan sebagai akibat langsung atau tidak langsung dari bencana alam, rusuhan, pergolakan awam, tindakan pengganas, mogok pekerja, larangan keluar, kebakaran, banjir, kemalangan, kegagalan mesin atau komputer/sistem komputer atau apa sahaja di luar kawalan Bank yang wajar.

#### **26. PENDEDAHAN PENYELEWENGAN DAN ETIKA PERNIAGAAN**

- 26.1 Pelanggan hendaklah, secepat mungkin yang munasabah, secara bertulis atau secara lisan, memaklumkan sebarang pegawai Bank, apabila mengetahui tentang sebarang pengarah, pegawai atau pekerja Bank, samada secara langsung atau tidak langsung, meminta atau menerima daripada Pelanggan atau Gabungannya, sebarang Imbuan berhubung dengan Perjanjian ini sama ada untuk faedah atau kelebihan peribadinya atau faedah atau kelebihan orang lain, berhubung dengan Perjanjian ini, sama ada sebelum, semasa atau selepas tempoh Perjanjian ini, dan Pelanggan atau Gabungannya tahu bahawa Imbuan tersebut bukan untuk faedah Bank.
- 26.2 Pelanggan beraku janji bahawa tiada dia atau Gabungannya atau sesiapa yang bertindak atas arahan atau kuasanya, sama ada sebelum, semasa atau selepas tempoh Perjanjian ini, secara langsung atau tidak langsung, memberi atau menawarkan, atau bersetuju untuk memberi atau menawarkan, sebarang Imbuan berhubung dengan Perjanjian ini sebagai dorongan atau ganjaran kepada sebarang pengarah, pegawai atau pekerja Bank atau orang lain, kerana melakukan atau menahan dari melakukan atau kerana telah melakukan atau telah menahan dari melakukan sebarang perbuatan pun, atau kerana menunjukkan atau menahan dari menunjukkan pilih kasih atau tidak suka terhadap sebarang orang, berhubung dengan Perjanjian ini.

- 26.3 Sekiranya terdapat keterangan bahawa Pelanggan, Gabungannya atau sesiapa yang bertindak di bawah arahan atau kuasanya melanggar fasal di atas, Bank boleh menamatkan Perjanjian ini (tanpa prejudis terhadap hak remedi Bank yang lain di bawah undang-undang) dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan. Setelah penamatan tersebut, Bank (atau sebarang deskripsi yang digunakan secara konsisten dalam Perjanjian ini) berhak menuntut semua kehilangan, kos, kerugian dan perbelanjaan termasuk sebarang kos dan perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh Bank yang berbangkit dari penamatan tersebut. Pelanggan tidak berhak untuk mendapatkan kembali dari Bank sebarang kerugian yang berbangkit akibat penamatan tersebut.
- 26.4 Walau apa pun peruntukan lain di sini tetapi tertakluk kepada undang-undang bertulis dan dengan permohonan bertulis untuk mengetepikan dari juruaudit dalaman atau peguam Pelanggan untuk maklumat yang diperlukan oleh undang-undang, Bank akan merahsiakan segala maklumat yang didedahkan atau diterima termasuk identiti orang yang memberikan maklumat dan semua keadaan yang berkaitan dengan maklumat tersebut.
- 26.5 Pelanggan juga akan mendedahkan sekiranya berlaku penyelewengan atau salah laku oleh kakitangan atau pekerja Bank terhadap mereka atau kakitangan, ejen atau kontraktor mereka.
- 26.6 Untuk tujuan fasal ini:
- a) "Gabungannya" bermaksud berhubung dengan Pelanggan, setiap orang atau entiti yang dimiliki dan dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh Pelanggan, atau sebarang orang atau entiti yang mengawal Pelanggan secara langsung atau tidak langsung dengan;
  - b) "Imbuan" merangkumi sebarang hadiah, wang, harta atau barang berharga atau sebarang perkhidmatan, bantuan atau perkara lain yang bernilai, atau sebarang perkhidmatan, bantuan atau faedah tidak ketara lain atau balasan dalam bentuk apa pun, atau kelebihan lain yang sama.
- 26.7 Pelanggan harus menunjukkan tingkah laku etika dan profesionalisme yang tinggi untuk melindungi nama baik Bank dengan mengambil semua perlindungan dan langkah berjaga-jaga yang diperlukan untuk menyedari berlakunya sebarang tindakan yang tidak beretika termasuk penampilan atau kesan yang berlaku.

## 27. KEPATUHAN SHARIAH

- 27.1 Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengesahkan bahawa Kemudahan ini dan sebarang transaksi yang dilakukan lanjutan dari Kemudahan ini adalah tertakluk kepada dan mematuhi prinsip Syariah, seperti yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia dan/atau pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.
- 27.2 Di mana dalam prosiding yang berkaitan dengan Kemudahan ini dan sebarang transaksi yang dimasuki lanjutan dengan Kemudahan ini di hadapan mahkamah atau penimbang tara, timbul persoalan mengenai hal Shariah, mahkamah atau penimbang tara, mengikut keadaannya akan:
- a) mengambil pertimbangan sebarang keputusan yang diterbitkan MPS; atau
  - b) merujuk soalan tersebut kepada MPS untuk keputusannya.
- 27.3 Sebarang keputusan yang dibuat oleh MPS adalah muktamad dan mengikat di antara Pelanggan dan Bank dan mahkamah atau penimbang tara yang membuat rujukan kepada MPS.
- 27.4 Sekiranya pada suatu waktu sebelum atau semasa Kemudahan ini dan transaksi yang dimasuki lanjutan kepada Kemudahan ini, ianya ditemui atau diketahui oleh Pelanggan dan Bank bahawa sebarang aspek atau bahagian dari Kemudahan ini, berkemungkinan melanggar sebarang prinsip, garis panduan, spesifikasi, piawaian atau pekeliling Shariah, Pelanggan dan Bank dengan ini bersetuju bahawa peruntukan dan/atau terma yang relevan tersebut akan dipinda/diubah untuk tujuan pematuhan. Pindaan atau variasi adalah seperti mana yang diperlukan agar sesuai dengan prinsip, garis panduan, spesifikasi, piawaian atau pekeliling Shariah. Bank berhak untuk mengeluarkan pindaan atau perubahan tersebut dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari calendar seperti yang dikehendaki kepada Pelanggan.
- 27.5 Pelanggan bersetuju bahawa Keberhutangan yang timbul dari penggunaan Kemudahan ini oleh Pelanggan akan tetap utuh dan terhutang dan tidak akan terjejas dengan cara atau keadaan apa pun oleh keputusan Syariah di atas.

## 28. KONSEP TAWARRUQ

- 28.1 Kemudahan ini berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq di mana:
- a) Pelanggan hendaklah memasuki Transaksi Tawarruq sebelum pengeluaran kemudahan ini;
  - b) Bersesuaian dengan konsep Syariah Tawarruq, Transaksi Tawarruq seperti berikut akan berlaku:
    - i. Lanjutan dari Akujanji Pembelian, Bank akan, atas permohonan Pelanggan, membeli komoditi spesifik yang patuh Syariah ("Komoditi" terdiri dari minyak sawit mentah (CPO), getah atau komoditi lain seperti yang disarankan oleh Pembekal Komoditi) dari Pembekal Komoditi pada Harga Pembelian Bank;
    - ii. Lanjutan dari pelantikan ejen dalam Borang Permohonan Merangkap Surat Tawaran ini, Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada Pelanggan pada Harga Jualan Bank atas terma bayaran tertunda. Selepas itu Bank, yang bertindak sebagai ejen Pelanggan, akan menjual Komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi (yang bukan pembekal komoditi yang sama dalam fasal (i) di atas, kecuali jika jualan dilakukan secara rawak) pada Harga Pembelian Bank yang bersamaan dengan jumlah kemudahan ini. Hasil penjualan tersebut akan disediakan untuk Pelanggan, tertakluk kepada Terma dan Syarat kemudahan ini.



- c) Berkaitan dengan agensi yang ditubuhkan di bawah pelantikan ejen dalam Borang Permohonan ini, Pelanggan perlu membayar kepada Bank Yuran Brokeraj (Yuran Agensi), tertakluk pada Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini;
- d) Yuran Brokeraj hendaklah dibayar oleh Pelanggan sama ada melalui tolakan daripada Akaun Semasa dan/atau Simpanan atau pendebitan Kemudahan sebelum pengeluaran.
- e) Komoditi tersebut dijual oleh Bank kepada pelanggan atas dasar "apa seadanya".
- f) Komoditi tersebut adalah segala komoditi yang dibenarkan dan mematuhi prinsip-prinsip Syariah seperti yang ditentukan pada waktu transaksi.

## 29. REBAT (IBRA') UNTUK PENYELESAIAN AWAL

29.1 Untuk kemudahan ini, Bank akan memberikan rebat kepada Pelanggan sekiranya berlaku perkara berikut:

- a) Penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang berbangkit dari pembayaran awal;
- b) Penyelesaian kontrak pembiayaan asal akibat penstrukturan semula pembiayaan;
- c) Penyelesaian kemudahan ini sekiranya berlaku kemungkiran; dan
- d) Penyelesaian kemudahan ini sekiranya berlaku penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

29.2 Rebate akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\text{Rebat (Ibra')} = (\text{Keuntungan Tertanggung}) - (\text{Kos Taksiran Munasabah yang Ditanggung oleh Bank})$$

29.3 Rebate tidak boleh ditafsirkan dengan apa cara sekalipun pun sebagai rebate tunai yang perlu dibayar kepada Pelanggan, tetapi akan dicerminkan sebagai pengurangan elemen keuntungan dari ansuran Harga Jualan Bank.

29.4 Rebate hanya akan diberikan dengan cara yang ditentukan oleh Bank setelah menerima jumlah penyelesaian/penebusan.

Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris boleh didapati di [www.affinalways.com](http://www.affinalways.com)

### JABATAN PERNIAGAAN KAD AFFIN BANK BERHAD

Semua Maklumat © 2022 Affin Islamic Bank Berhad

(Versi 2 – Ogos 2022)